

Walaupun telah merasai tekanan daripada negara-negara tertentu

PM IKRAR TERUS BERSUARA

KUALA LUMPUR 9 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau akan terus menyuarakan pandangannya mengenai sesuatu isu yang memerlukan perhatian masyarakat antarabangsa walaupun telah merasai tekanan daripada negara-negara tertentu.

Perdana Menteri berkata, walaupun 'tangannya dipulas' tetapi tiada sesiapa yang boleh menghalang kebebasannya untuk terus berucap.

"Memang ada amalan memulas tangan dilakukan di sana sini tetapi anda tidak akan merasainya, bagaimanapun kami merasainya," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri- Menteri Kewangan Kommanwel Ke-39 di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika ditanya sama ada Malaysia turut merasai tekanan daripada negara-negara maju ekoran kenyataan-kenyataan terus terang beliau dalam beberapa siri ucapannya di peringkat antarabangsa.

Dato' Sri Dr. Mahathir seterusnya menarik perhatian bahawa beliau sering diberitahu adalah mustahak untuk memastikan kebebasan akhbar diamalkan.

Bagaimanapun katanya, apabila beliau menyuarakan sesuatu perkara berhubung masalah antarabangsa di negara asing, kata-katanya sering ditapis oleh negara-negara yang kononnya mendakwa mengamalkan kebebasan akhbar sepenuhnya.

Pada masa yang sama kata beliau, jika akhbar tempatan pula tidak menyiarkan sesuatu kenyataan yang disampaikan oleh seseorang yang mereka rasa perlu, kerajaan pula akan didakwa menyekat kebebasan akhbar di negara ini.

Ditanya bagaimana keadaan 'tangannya yang dipulas' Perdana Menteri berkata, adalah lebih baik tidak dinyatakan kerana ia akan memberi kesan kepada beberapa buah negara lain.

Menjawab pertanyaan negara manakah yang memulas tangannya, beliau berkata, "ada pihak yang berbuat demikian" tanpa menyatakan negara berkenaan.

Bagaimanapun Menteri Kewangan, Dato' Sri Anwar Ibrahim yang berada bersama Dato' Sri Dr. Mahathir ketika itu menambah sambil berjenaka "Tangan Perdana Menteri mungkin perlu diurut."